

Datuk badlisham Secara Rasmi Jadi Pengarah Urusan MAHB yang Baharu Mulai Esok
Bernama
Jun 22, 2014

KUALA LUMPUR, 22 Jun (Bernama) -- Pengarah Urusan Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB) yang baharu, Datuk Badlisham Ghazali akan memulakan tugas secara rasmi esok.

Datuk Badlisham amat sesuai dengan tugas itu, kata MAHB dalam satu kenyataan hari ini.

Menurut MAHB, kejayaan beliau sebagai ketua pegawai eksekutif syarikat berkaitan kerajaan, Multimedia Development Corporation (MdeC) dalam meningkatkan pendapatan dan pelaburan MSC Malaysia kepada hampir RM35 bilion, menjadi bukti rekod pencapaian beliau dalam mempromosi inovasi.

MAHB berkata, dalam usahanya menjadi peneraju global dalam membina bandar raya lapangan terbang, ia memerlukan pemimpin yang mampu memacu syarikat itu ke suatu persekitaran inovasi yang berterusan.

Industri penerbangan adalah landskap yang sentiasa berubah berikutan penduduk dunia menyesuaikan diri dengan gaya hidup serta trend teknologi baharu.

Keadaan itu, katanya, memaksa syarikat perniagaan menghasilkan model perniagaan baharu dan penyelesaian inovatif dalam usaha mengikuti perubahan ini.

Kerjaya cemerlang Badlisham dalam persekitaran yang sama, kata MAHB, akan membolehkan beliau memainkan peranan menguruskan pelbagai pihak berkepentingan pada peringkat paling tinggi dengan mudah.

Selain daripada itu, persekitaran lapangan terbang pada hari ini juga penuh dengan pelbagai cabaran baharu meliputi pengembangan, pembangunan lapangan terbang generasi baharu serta penswastaaan.

Di samping itu, syarikat penerbangan juga secara berterusan mengembangkan model perniagaan mereka daripada perkhidmatan penuh konvensional kepada penerbangan

kos rendah serta hibrid berikutan peningkatan saingan serta permintaan pelanggan yang lebih canggih.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1048392>